"Now to him who is able to do far more abundantly than all that we ask or think, according to the power at work within us, to him be glory in the church and in Christ Jesus throughout all generations, forever and ever. Amen." Ephesians 3:20-21 ESV

BE STILL DELIBERATELY PAUSE FOR A MOMENT, breathe deeply, thank God for His presence and release into His hands all that you have prayed.



A SUGGESTED CLOSING HYMN: **WHAT A FAITHFUL GOD HAVE I**

1 O Lord, I come before Your throne of grace
I find rest in Your presence
And fullness of joy
In worship and wonder I behold Your face
Singing what a faithful God have I

*What a faithful God have I
What a faithful God
What a faithful God have I
You are faithful in every way*

2 Lord of mercy, You have heard my cry
Through the storm You're the beacon
My song in the night
In the shelter of Your wings
Hear my heart's reply
Singing what a faithful God have I

3 Lord all sovereign
Granting peace from heaven
Let me comfort those who suffer
With the comfort You have given
I will tell of Your great love
For as long as I live
Singing what a faithful God have I

Link: https://youtu.be/dH8_SKkieJg

PANDUAN DOA MINGGUAN



Diberkatilah Mereka Yang Dianaya

“Diberkatilah mereka yang dianaya demi perbenaran, kerana kerajaan syurga untuk mereka. Diberkatilah kamu apabila orang menghina, menganiaya dan memfitnahmu dengan segala yang jahat kerana-Ku. Bersukacita dan bergembiralah, kerana besar ganjaranmu di syurga. Begitu jugalah para nabi zaman dahulu dianaya.” – Matius 5:10-12 AVB

Walaupun dunia ini mengalami perkembangan pesat dari segi pengetahuan dan teknologi, gereja yang teraniaya tidak mengalami sebarang kemajuan. Di sebaliknya, lebih ramai umat Kristian telah mati untuk iman mereka di dalam abad ini berbanding dengan kesemua abad-abad sebelum ini dalam sejarah gereja. Penganiayaan terhadap mereka yang percaya di dalam Yesus tetap berkembang tidak kira di mana sahaja. Antara golongan yang paling terkesan adalah perempuan dan kanak-kanak, terutamanya budak-budak perempuan muda yang diculik dan dipaksa berkahwin dan menukar agama mereka.

Pengalaman gereja Malaysia dengan isu “Allah”, kejadian di mana umat Kristian diketepikan secara sengaja, dan pelbagai konflik yang bangkit akibat pemaparan agama Kristian yang palsu di dalam media – kesemua perkara ini sepatutnya menyebabkan kita lebih peka terhadap situasi gereja yang teraniaya. Penculikan *Raymond Koh, Joshua Hilmy* dan *Ruth Sitepu* sepatutnya menguatkan azam kita untuk menyokong mereka yang menderita oleh kerana iman mereka, bukan sahaja dari segi doa tetapi melalui pertolongan secara praktikal.

Oleh itu, **marilah kita tekun berdoa untuk gereja yang teraniaya** untuk terus bertahan dan berpegang teguh kepada panggilan mereka. Doa agar mereka ketahui bahawa Allah menyayangi mereka tanpa batas, seperti mana Tuhan Yesus mengingati kita untuk bersukacita dan bergembira, kerana besarnya ganjaran kita di syurga, sebagaimana nabi-nabi pada zaman dahulu dianaya, serta bagaimana Tuhan Yesus Kristus kita diseksa. Doakan keberanian dan kekuatan agar mereka akan tahu bagaimana kongsikan Injil secara bijaksana di mana juga mereka berada, dan akan memberitakan tentang Yesus di mana juga mereka berada.

Doakan agar kita, bersama-sama mereka, mampu bertahan hingga ke akhir hayat kita memandangkan api penganiayaan semakin merebak sebelum Yesus kembali sekali lagi dalam kemenangan. AMIN.

Terima kasih kerana memakai panduan doa ini yang bermula sewaktu PKP bermula pada Mac 18, 2020. Pada hari ini, panduan doa tersebut terus mengalakkkan umat Allah untuk terus berdoa tanpa henti, dalam kesyukuran, bersekutu dalam doa untuk mengalaukan kedatangan kerajaan Allah dan kehendak Allah terjadi pada zaman ini. **Panduan doa ini juga dipakai oleh ahli-ahli jaringan Prayer United.**

Anda dijemput untuk **P-R-A-Y**, iaitu, ***Pause*** (Berhenti sejenak) dan berdiam, ***Rejoice*** (Bersukacita) dengan Mazmur dan ***Reflect*** (Merenung) atas Alkitab. ***Ask*** (Minta) dalam doa syafaat agar Allah bekerja,

FOKUS BULANINI

Pilihanraya Negeri Melaka

Doakan agar pilihanraya negeri Melaka akan berjalan dengan lancar dan selamat

Pandemik Covid-19

Doakan peralihan yang selamat ke tahap endemik

Menemui Kristus

Doakan 5 orang untuk bertemu dengan Kristus

Doakan Gereja Teraniaya

Doakan kekuatan untuk bertahan dan menyebar Injil dengan berani

PAUSE BERDIAM, Diamkan diri secara sengaja - Tarik nafas yang dalam, dan alu-alukan hadirat Roh Kudus.

BACA DAN RENUNGKAN Mazmur 91

DOA PERTAUBATAN

Bapa Syurgawi, aku meminta ampun daripada-Mu kerana tidak berdoa untuk gereja yang teraniaya di seluruh dunia. Aku minta ampun kerana tidak mengambil berat tentang kebijakan dan keadaan mereka.

Aku bertaubat kerana tidak bersungguh-sungguh mengambil kira betapa besarnya pengorbanan sebagai murid Engkau. Aku ingin dipulihkan semua kepada-Mu, untuk mengikuti-Mu, ya Tuhan, dan memikul salibku.

Selamatkan aku, ya Tuhan, daripada iman yang tidak teguh dan kuatkan aku. "Aku percaya, tolong aku yang kurang percaya" – kerana hanya melalui Roh Engkau yang aku berani untuk berdiri teguh dan bertahan. Semoga hanya Engkau dimuliakan sentiasa di dalam hidup dan kematian aku, agar aku akan tetap setia kepada-Mu seumur hidupku. Aku berdoa ini di dalam nama Yesus Kristus kita yang indah, AMIN.

REJOICE PENYEMBAHAN

PUJIAN DAN KESYUKURAN

Ya Tuhan, Allah kita, Engkaulah Tempat Perlindungan dan Kubu kita. Hati kita penuh dengan tanda kesyukuran, kerana Engkaulah yang Setia. Kita berharap kepada-Mu, kerana kita tahu bahawa Engkaulah Allah yang menyelamatkan. Ciptaan-Mu yang indah menjadi saksi kepada kebesaran setia-Mu, belas kasihan dan kasih-Mu.

Kelmarin, hari ini, dan selamanya, Engkau tidak pernah berubah. Kasih setiamu tiada penghabisan, dan belas kasihan-Mu baru setiap hari. Sememangnya, Engkau akan menyelamatkan kita dalam setiap detik yang susah – walaupun di tengah-tengah wabak ataupun jerat yang dipasang oleh Si Jahat. Kasih setia-Mu adalah Perisai dan Kubu kita. Oleh itu, kita tidak akan ketakutan.

Kita tidak akan berhenti memuji-Mu, Tuhan, kerana Engkaulah sumber kekuatan dan harapan kita. Hadirat-Mu adalah ketenangan kita. Janji-janji-Mu menjadi pemangkin kepada iman kita, dan rancangan-Mu, harapan kita – sepanjang musim pandemik yang mencabar ini. Engkaulah Allah yang setia, yang berkata kepada mereka yang percaya pada-Mu, ^{AVB} **Yesaya 41:13** "kerana Aku, Tuhan, Allahmu, memegang tangan kananmu dan berfirman kepadamu, 'Jangan takut, Aku akan menolong engkau.'"

ASK BERMINTA Pakailah perkataan sendiri sewaktu berdoa sambil berhenti sejenak apabila merenungkan cadangan doa berikut sebagai panduan doa anda yang boleh membantu membina keyakinan diri dalam kehidupan doa peribadi anda – **dalam mengejar hadirat Allah, secara peribadi dan secara kumpulan** (*Anda bebas memilih perkara doa serta menambah atau menukar perkataan dalam senarai doa ini*).



"Diberkatilah mereka yang dianiaya demi perbenaran, kerana kerajaan syurga untuk mereka. Diberkatilah kamu apabila orang menghina, menganiaya dan memfitnahmu dengan segala yang jahat kerana-Ku. Bersukacita dan bergembiralah, kerana besar ganjaranmu di syurga. Begitu jugalah para nabi zaman dahulu dianiaya."

Matius 5:10-12 AVB

LAGU CADANGAN: KAMI MEMUJI KEBESARANMU

Oh Tuhanku, bila ku terpesona
Merenungkan ciptaanMu semua
Kusaksikan bintang, guruah,
angkasa
Tanda kebesaranMu semua

Kami memuji kebesaran-Mu
Ajaib Tuhan, ajaib Tuhan
Kami memuji kebesaran-Mu
Ajaib Tuhan ajaib Tuhan

Pautan:
<https://www.youtube.com/watch?v=UMrN758yuco>

DOA SYAFAAT

1. PENYELAMATAN DARIPADA PANDEMIK DAN PEMULIHAN SISTEM KESIHATAN YANG TENAT

- a. Perlindungan daripada Gelombang Pandemik yang Ke-4.** Doakan rancangan kesihatan awam yang lengkap akan diterajui agar negara kita dapat beralih ke fasa endemik secara selamat. Kita berterima kasih kerana sebanyak 95.3% dan 76.1% daripada jumlah populasi dewasa dan jumlah populasi keseluruhan telah divaksinkan dengan penuh masing-masing. Namun demikian, peningkatan jumlah pesakit di hospital telah meningkat sebanyak 10% minggu lepas, di mana kadar jangkitan (R0) tetap meningkat ke tahap yang bahaya, iaitu 1.04. Mari kita berdoa dengan penuh kebijaksanaan, kewaspadaan, kesabaran, dan kejayaan untuk mengawal epidemik Covid-19, terutamanya di Melaka dan Sarawak di mana pilihanraya negeri bakal berlaku;
- b. Reformasi di dalam Sistem Kesihatan dan Keadilan untuk Doktor Kontrak.** Mari kita tekun berdoa untuk doktor kontrak agar mereka dilayan secara adil dan saksama oleh sistem kesihatan awam kerajaan. Doakan agar Menteri Kesihatan akan melaksanakan langkah-langkah yang berkesan atas dasar-dasar dan prinsip-prinsip yang diperlukan untuk mengubah sistem kesihatan, dan memastikan bahawa doktor kontrak akan ditawarkan jawatan tetap, serta perutukan belanjawan yang secukupnya untuk pembentangan yang mencukupi bagi hospital awam yang sangat memerlukan pembaikan dan peningkatan. Doakan agar Menteri Kewangan akan memberi peruntukan yang lebih untuk sistem kesihatan awam, dan tidak mengabaikan peningkatan teknologi dan sistem informasi maklumat;
- c. Pemantauan dan Kewaspadaan di Kalangan Belia.** Doakan rancangan yang seterusnya untuk memvaksinkan kanak-kanak di antara umur 5-11 agar sekolah dapat dibuka semula dengan selamat. Memandangkan sekolah-sekolah sedang membuka secara berperingkat, doakan agar ibubapa akan berwaspada untuk melindungi anak-anak mereka dan memastikan bahawa mereka menerima vaksin. Doakan agar semua guru akan menerima vaksin juga;
- d. Keadilan dalam pengagihan vaksin kepada golongan yang terjejas.** Doa agar pihak berkuasa akan memastikan bahawa semua golongan yang terjejas akan tetap menerima vaksin, termasuk pekerja asing, dan pelarian yang tidak sah. Doakan mereka yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang yang tidak mampu dikuarantinkan ataupun terlantar di hospital untuk jangkamasa yang panjang kerana ini akan menjaskan periuk nasi mereka, agar mereka akan menerima sokongan yang sewajarnya;
- e. Mengatasi “Pandemik Kesihatan Mental”.** Doakan kehendak politik dan sosial untuk menangani isu ini dengan segera serta menghapuskan stigma dan diskriminasi terhadap penyakit mental yang menyebabkan orang menangguhkan rawatan. Doa agar setiap orang mempunyai rakan-rakan dan ahli keluarga yang memberi sokongan dan menunjukkan belas kasihan kepada mereka yang memerlukan penjagaan kesihatan mental yang lebih rapi, di mana pandemik coronavirus telah melemahkan mereka, memandangkan saluran berita melaporkan **4 kes bunuh diri setiap hari** secara purata. Ini menunjukkan bahawa terdapat seruan untuk lebih tekun berdoa lagi atas pihak mereka yang telah kehilangan segala harapan;
- f. Perlindungan atas perkahwinan dan institusi keluarga, dan kanak-kanak yang menjadi yatim piatu oleh kerana Covid-19.** Kesan pandemik Covid-19 atas kanak-kanak memang mendalam dan luas pada waktu depan. Marilah kita serahkan institusi keluarga kepada Allah dalam doa, kerana kadar penceraian yang tinggi sepanjang pandemik ini. Doakan agar keluarga angkat akan tampil memberi suasana yang selamat dan penuh kasih untuk membesarluan kanak-kanak yang terkesan, agar mereka tidak akan ditempatkan di rumah kebajikan kanak-kanak. Doakan agar mereka menerima sokongan dan penjagaan yang sewajarnya daripada komuniti di sekeliling;
- g. Pemulihan sektor pekerjaan dan perniagaan.** Terus berdoa agar kadar pengangguran akan menurun, dan sektor perniagaan akan pulih. Doakan sokongan komuniti, dorongan, kemurahan hati, dan ketabahan untuk mereka yang memerlukannya.

2. PEMULIHAN NEGARA

- a. Persidangan Parlimen dan pembahasan Belanjawan 2022.** Doakan Persidangan Parlimen yang sedang berlangsung dari 25 Oktober ke 16 Disember selama 32 hari. Doakan agar usul-usul Belanjawan


2022 akan dibahas dan berkehasilan, dan penyelamatan daripada krisis ekonomi serta perbelanjaan yang memborus seperti kenderaan mewah untuk Ahli Parlimen. Doakan agar solusi jangkamasa panjang akan dilaksanakan tanpa mengambil sebarang jalan pintas untuk memperkuuhkan negara ini, termasuk isu-isu MA63;

- b. Pentadbiran Kerajaan baru dan Kabinet baru di Malaysia untuk berjaya dalam 100 hari pertama.** Kita terus doakan berkat atas pentadbiran baru yang diketuai Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri serta Kabinet baru beliau akan memenuhi tanggungjawab mereka dengan cekap dan penuh amanah, dan segala usaha mereka akan berhasil. Marilah kita berdoa kepada Allah untuk menunjukkan belas kasihan dan rahmat atas negara kita – bahawa tema “*Keluarga Malaysia*” untuk memulihkan Malaysia bukan sekadar slogan sahaja, tetapi keadilan, keamanan, dan kebaikan boleh ditubuhkan di seluruh negara. Kita doakan agar kehendak Allah dan kerajaan-Nya akan terjadi di Malaysia;
- c. Penyucian sistem politik yang sudah tenat.** Doakan penyucian suasana rohani di Malaysia dalam nama Yesus yang berkuasa, kerana Dia adalah “matahari yang penuh perbenaran akan terbit dengan membawa kesembuhan pada sayapnya.” Hanya Dia yang boleh mengatasi kuasa-kuasa jahat dan membawa terang, harapan dan kesejahteraan *SHALOM* kepada Malaysia [Kolose 2:15]. Nyatakan kemenangan atas setiap rancangan politik yang jahat dan memecah-belahan keharmonian negara ini, agar kesemua ini akan terbongkar dan dihapuskan, terutamanya mereka yang sentiasa merancang untuk mengelakkan diri daripada dakwaan mahkamah atas kes-kes rasuah. Marilah kita terus tekun berdoa agar kuasa Kristus akan menghancurkan kuasa jahat di merata tempat, di kampung mahupun di bandar, serta menumbangkan sumber kuasa kebencian dan kejahatan di Malaysia;
- d. Mengatasi gejala rasuah dan politik kewangan sebelum PRU15 diadakan.** Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) dijangka berlaku pada pertengahan tahun 2023. Namun demikian, memandangkan ketidakstabilan politik yang berlaku serta jawatan Perdana Menteri dan parti pemerintah yang telah menukar tangan 3 kali, doakan keamanan untuk menyelubungi Malaysia, oleh sebab barangkali terdapat ahli politik yang sedang merancang untuk menjaga kepentingan peribadi pada PRU yang akan datang. Doakan agar Allah akan membangkitkan generasi pemimpin yang baru, calon-calon yang beramanah serta bijaksana. Doakan pucuk kepimpinan ahli politik yang matang dan sanggup bekerjasama demi kebaikan semua rakyat dengan penuh keikhlasan, dan bukan semata-mata untuk merebut kuasa ataupun mengutamakan kepentingan diri sendiri, agar kita dapat menjadi sebuah negara yang cemerlang dan bukan pentadbiran yang gagal;
- e. Pilihanraya negeri Melaka pada November 20.** Doakan keputusan pilihanraya negeri ini akan diterima oleh semua pihak dan tidak dapat dimanipulasi ataupun mencetuskan ketidakstabilan politik yang lanjut. Doakan pembentukan kerajaan negeri yang baru secara aman. Doakan pilihanraya negeri ini tidak akan mencetuskan gelombang jangkitan coronavirus yang baru;
- f. Pilihanraya Negeri Sarawak.** Setelah Agong berkenan menamatkan Proklamasikan Darurat di Sarawak, ini bermaksud bahawa Pilihanraya Negeri Sarawak ke-12 bakal berlaku tidak lama lagi. Doakan perlindungan dari awal hingga ke akhir agar pilihanraya negeri ini tidak akan mencetuskan jangkitan varian Delta Plus Covid-19 baru yang sedang mendadak, dan kadar penggunaan katil di hospital masih tinggi. Sekali lagi, doakan juga agar Allah akan membangkit generasi ahli politik yang beramanah dan sedia berkhidmat demi kemakmuran rakyat Sarawak, serta memastikan agar hak-hak Orang Asal dipertahankan;
- g. Penghapusan Gejala Rasuah dan Kerosakan Akhlak.** Doakan agar pendedahan atas gejala rasuah akan disiasat dengan sepenuhnya agar keadilan dan kebenaran akan menang. Doakan agar semangat untuk mencapai yang terbaik dapat terterap di dalam setiap jiwa dan pejabat awam di Malaysia. Kita doakan agar Allah dapat memulihkan semua nilai-nilai murni yang telah dirosakkan selama ini. Kita doakan agar Allah menunjukkan belas kasihan-Nya untuk menyelamatkan negara kita daripada kemerosotan yang lanjut. Doakan semangat keberanian yang berterusan serta penghiburan untuk mereka yang menghadap tekanan, penganiayaan dan ancaman oleh kerana bersuara menentang gejala rasuah;
- h. Pembaharuan Sistem Pendidikan.** Terus doakan bahawa pembaharuan akan berlaku di dalam sistem pendidikan Malaysia. Doakan agar lebih ramai Kristian serta mereka yang ikhlas dan cekap, akan menjawab seruan panggilan ini untuk bekerja di sektor pendidikan untuk membina bangsa yang berkemampuan, maju, dan sedia menghadap cabaran masa depan. Doakan agar guru-guru akan dipilih

secara adil mengikut kebolehan masing-masing, dan bukan kerana agama dan bangsa mereka. Doakan agar Kementerian Pendidikan akan menumpukan perhatian atas agenda membina negara, dan tidak menyalahgunakan kuasa mereka untuk memajukan agenda ideologi agama dan politik;

i. Mempertahankan Hak Asasi dan Kebebasan Manusia.

Memandangkan Malaysia dilantik sebagai Ahli Majlis Hak Asasi Manusia dari 2022-2024, marilah kita berdoa agar kerajaan akan mempertahankan hak-hak dan kebebasan golongan yang terjejas seperti kanak-kanak, belia, wanita, orang Asli dan orang Asal, warga emas, pelarian, dan pendatang asing yang tidak berdokumen sebagai ahli majlis. Doakan kehendak politik untuk menghapuskan gejala rasuah di kalangan penguatkuasa seperti imigresen, tentera, dan polis, yang bersalah kerana berganding bahu dengan para penjenayah dalam hal perdagangan manusia - di dalam sektor pertanian, perkilangan, dan perniagaan. Doakan agar ahli perniagaan akan melayan pekerja asing mereka dengan sewajarnya dan baik, sambil memperbaiki taraf tempat bekerja. Kita doakan perlindungan, kebenaran, dan keadilan untuk NGO-NGO dan aktivis yang mempertahankan hak asasi manusia untuk golongan yang tertindas dan senang terjejas, agar mereka diperkuatkan sewaktu berjuang untuk kebenaran dan keadilan;



3. GEREJA

- Menjadi saksi melalui perpaduan kita dan kasih sesama sendiri.** Doakan agar gereja akan mempunyai kewibawaan sewaktu mengisyiharkan penyembuhan, menjadi "terang dan garam Yesus" melalui kesaksian perpaduan kita dalam Roh dan kasih sesama sendiri. Doa untuk kerendahan hati yang tulus dan ikhlas, kebaikan, perbuatan baik, dan penampilan yang lemah-lembut sesama sendiri;
- Melangkah dalam iman dan melayan masyarakat.** Doakan kekuatan, keberanian, kebijaksanaan, dan iman untuk melayan masyarakat dengan penuh belas kasihan dan kebaikan sewaktu kita melalui fasa endemik. Doakan agar kita akan mencontohi tokoh iman pada zaman gereja awal, di mana mereka melayani masyarakat yang terkesan dengan penuh kasih untuk mereka yang ditimpa wabak dahulu tanpa mementingkan diri sendiri, dengan penuh kemurahan hati. Kita bersyukur kepada Allah untuk mereka yang terlibat dalam pengagihan makanan percuma. Kita bersyukur kepada Allah untuk organisasi yang telah melayani golongan yang tertindas secara setia. Doakan untuk gereja menjangkau jiwa-jiwa di sekeliling, terutamanya golongan yang terkesan dari segi pendapatan serta kanak-kanak yang telah kehilangan ibubapa mereka;
- Persiapan gereja dalam pelayanan selepas pandemik berakhir.** Sedangkan gereja berusaha untuk membuka pintu mereka dan memulakan ibadahraya fizikal, doakan agar pemimpin gereja dan pekerja gereja akan dikurniakan hikmat, pengetahuan, dan kepekaan untuk bersedia menghadapi cabaran-cabaran pasca pandemik sewaktu melayan – terutamanya dalam hal-ehwal pengembalaan, pelayanan misi, dan pelaksanaannya. Doakan agar kita mempunyai daya pemikiran yang sentiasa ingin belajar terutamanya dalam hal-ehwal pelayanan digital memandangkan lebih ramai umat Kristian beribadahraya dalam talian – selama kita membawa terang Allah kepada dunia;
- Kebajikan lapisan pemimpin gereja.** Dukung baris hadapan kita dalam doa - pastor-pastor, paderi, gembala, dan pekerja gereja – oleh kerana panggilan dan pelayanan mereka. Doakan agar domba-domba dan pemimpin akan bijaksana dengan mengambil langkah keselamatan dan berjaga-jaga untuk mengurangkan jangkitan sewaktu berkumpul untuk ibadahraya fizikal. Kita semua perlu menjaga keselamatan dan kesihatan diri sendiri, serta memerlukan kasih kurnia Allah sewaktu beralih ke fasa endemik. Marilah kita juga menunjukkan "pekerja baris hadapan" kita kasih, penghargaan, dan dorongan melalui pelbagai cara yang praktikal;

- e. Gereja yang Berdoa dan Mengutus.** Marilah kita berdoa agar setiap gereja akan menjadi rumah doa bagi semua bangsa, mengikut kehendak Tuhan kita, “Rumah-Ku akan dipanggil rumah doa bagi semua bangsa” [Markus 11:17]. Doakan agar hati kita akan berkobar-kobar sekali lagi untuk memberitakan Injil kepada setiap bangsa – “hingga ke akhir zaman”.

4. DOA UNTUK MEREKA YANG SESAT

- a. Doa-untuk-5** keluarga, rakan sekerja, dan kawan-kawan, agar mereka mengenali Yesus Kristus dan kasih-Nya dan menerima penyelamatan. Tuliskan nama dan doakan mereka setiap hari tanpa berputus asa;
- b. Kasih dan belas kasihan.** Doa supaya kita mempunyai kasih dan belas kasihan dan peka terhadap peluang untuk berdoa dan menolong mereka yang sesat dan sakit, menolong mereka melalui perbuatan dan kata-kata yang mendorongkan. Doakan peluang daripada Allah untuk membawa pemulihan serta kesembuhan, agar mereka akan secara sukacita menerima Yesus sebagai Juruselamat Peribadi mereka;
- c. Peluang untuk berkongsi.** Doakan agar Roh Kudus memberi anda peluang untuk menyebarkan Injil kepada sesiapa yang bersedia menerimanya di tengah-tengah krisis pandemik ini; agar kita tidak akan malu oleh kerana Kristus, tetapi bersedia untuk mengisyiharkan Dia pada setiap waktu dengan iman yang kukuh. Doakan pada musim ini yang sangat mencabar agar Allah dapat memakai kita sebagai bejana-Nya untuk memberkati ramai orang, kerana alangkah indahnya melihat kaki mereka yang membawa Berita Baik! Mintalah kekuatan dan keberanian daripada Allah dalam melakukan demikian walaupun kita tidak berasa selesa dan tidak berasa tawar hati;
- d. Berhadapan dengan Urusan yang belum selesai.** Sebagai murid Kristus, Tuhan Yesus Kristus kita telah memberi kepada kita amanat-Nya agar kita menjadi saksi-Nya ke seluruh dunia, dan telah memperkasakan kita dengan Roh Kudus-Nya pada Hari Pentakosta untuk melengkapkan urusan ini. Pada hari ini, marilah kita berdoa agar Dia akan memberi kita semangat baru yang berkobar-kobar untuk memenuhi Amanat Agung kerana urusan kita masih belum selesai. Semoga Tuhan kita menjamah kita sekali lagi sebagaimana Dia melakukan sedemikian di dalam bilik doa pertama di Yerusalem, mendorong kita untuk keluar dan kongsikan Berita Baik dengan semangat yang baru.



Berdoa-untuk-5

5. MENGINGATI GOLONGAN YANG TERANIAYA, YANG TERPAKSA MEMINDAH, DAN YANG HILANG.

- a. Vietnam.** Mengikut Senarai *World Watch* 2021 dari *Open Doors*, Vietnam menduduki tangga ke-19 sebagai negara yang paling teruk menganiayai umat Kristian. Protestan yang tidak tradisional serta mereka yang menukar agama mereka dari agama asal biasanya menjadi sasaran penganiayaan yang paling teruk. Kebanyakan daripada mereka berasal dari suku-suku etnik yang kecil seperti Hmong. Biasanya, mereka menghadapi pengecualian sosial, diskriminasi, dan serangan yang ganas. Terdapat juga rumah-rumah yang dimusnahkan, dan orang Kristian terpaksa melarikan diri. Doakan agar mereka akan terus kuat dan bertahan dalam kepercayaan mereka terhadap Yesus. Doakan agar mereka dapat menjadi saksi yang baik dan menjadi matang dalam iman di tengah-tengah situasi yang mencabar. Doakan agar mereka tetap berani untuk memberitakan Injil dan terus mendalaminya Firman Tuhan. Doakan agar terdapat sumber-sumber pelajaran dan pengajar yang cekap agar iman mereka akan terus kuat dan matang;



- b. Krisis Kemanusiaan di Sempadan Belarus-Poland.** Doakan agar krisis kemanusiaan di sempadan Belarus-Poland akan berakhir dengan aman, memandangkan ribuan pelarian dan penghijrah cuba melintas sempadan untuk memasuki benua Eropah, di mana mereka berharap untuk melarikan diri daripada negara asal mereka yang dilanda perang. Doakan agar pertolongan akan diberi kepada pelarian tersebut kerana ramai yang menderita pada musim sejuk. Doakan agar penyelesaian kepada situasi ini akan berlaku secepat mungkin supaya mereka tidak dieksplotasi untuk keuntungan politik;
- c. Pastor-pastor dan Aktivis Malaysia yang hilang.** Marilah kita terus berdoa untuk para pastor yang diculik - *Raymond Koh, Joshua Hilmy dan Ruth Sitepu* – agar mereka dapat dijumpa, dan keadilan akan diberi. Doakan juga untuk aktivis Melayu, *Amri Che Mat*, agar dia dapat dicari dan dibebaskan. Doakan penghiburan dan kekuatan untuk keluarga mereka masing-masing, sedangkan mereka mencari kebenaran. Doakan pasukan peguam mereka agar diberi kebijaksanaan dalam mengendalikan situasi ini, selama mereka berjuang untuk keadilan atas pihak keluarga-keluarga tersebut.

6. DOA SPONTAN

Biar Roh Kudus memimpin anda untuk mendoakan hal-hal lain yang muncul dalam hati anda pada musim ini, terutamanya hal yang berkait dengan negara kita, serta hal-hal lain yang membebarkan hati anda sekarang.

YIELD MENYERAH DIRI

Marilah kita dengan sepenuh hati serahkan kehidupan kita kepada kehendak Bapa Syurgawi, agar di mana kita ditempatkan, kita akan menjadi berkat kepada setiap jiwa.

DOA PENUTUP MENYATAKAN DATANGNYA KERAJAAN-NYA – DOA BAPA KAMI *Matius 6:9-13 AVB*

“Ya Bapa kami yang di syurga, suci lah nama-Mu. Datanglah kerajaan-Mu. Terlaksanalah kehendak-Mu di bumi sebagaimana di syurga. Berilah kami makanan untuk hari ini. Ampunkanlah kesalahan kami sebagaimana kami mengampuni mereka yang bersalah terhadap kami. Janganlah biarkan kami tergoda, tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat. Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan dan kemuliaan selama-lamanya. AMIN.”

NYATAKAN BERSAMA-SAMA

“...mengisyiharkan kasih-Mu sewaktu pagi dan kesetiaan-Mu setiap malam....”

Mazmur 92:2 AVB

“Kepada Allah yang berkuasa melakukan segala-galanya dengan limpah kurnia melebihi permintaan dan sangkaan kita, menurut kuasa-Nya yang bertindak dalam diri kita, kepada-Nya kemuliaan dalam jemaah dan dalam Kristus Yesus zaman-berzaman selama-lamanya! Amin.”

Efesus 3:20-21 AVB

BERDIAM SECARA SENGAJA BUAT SEKETIKA, bernafas secara mendalam, berterima kasih kepada Allah atas hadirat-Nya, dan serahkan segala suatu yang anda telah doakan kepada-Nya.

CADANGAN LAGU PENUTUP: KESETIAAN TUHAN

HadiratMu Tuhan
Indah didekatMu
Nikmati kemurahanMu
Di setiap jejak hidupku
Kau ukir kebaikanMu

Tiada terukur pertolonganMu
Tiada terukur kesetiaanMu
Kau setia (2x)
Dalam hidupku

Berkali kali Kau slalu menolong
Di setiap kesusahanku
Berkali kali Kau slalu setia
Kau selalu menopang

Pautan:
<https://www.youtube.com/watch?v=0Hf2TvZLbXM>